

FAQ PERMOHONAN BANTUAN PENDIDIKAN YPJ
(SKIM BANTUAN PENDAFTARAN DAN INSENTIF MAHASISWA ANAK JOHOR)

1. Adakah saya layak untuk memohon kedua-dua bantuan yang disediakan oleh pihak YPJ ini ?

- Jika pemohon dalam tempoh **Semester Pertama**, pemohon adalah layak untuk memohon bantuan SBP dan IMAJ bagi tahun ini. Manakala, jika pemohon bukan dalam tempoh semester pertama, pemohon hanya layak memohon bantuan IMAJ sahaja.

2. Adakah bantuan ini akan disalurkan ke dalam akaun Bank Mualamat seperti permohonan yang lepas ?

- Bagi tahun 2025, pihak YPJ telah mengubah proses penyaluran bantuan kepada kaedah yang lebih praktikal dan memudahkan pemohon. Penyaluran bantuan akan disalurkan ke dalam akaun **TNG eWallet** pemohon. Tiada lagi penyaluran ke akaun Bank Muamalat (bagi pemohon SBP) atau akaun bank individu (bagi pemohon IMAJ)

3. Bagaimana cara untuk saya mengetahui bahawa permohonan saya berjaya dan diluluskan oleh pihak YPJ?

- Kelulusan permohonan bagi bantuan ini akan dimaklumkan selepas **14 hari** dari tarikh permohonan ditutup. Pemohon boleh menyemak di sistem permohonan atau email makluman yang akan diberikan oleh pihak YPJ.

4. Bilakah pihak YPJ akan mengkreditkan bayaran bantuan kepada pemohon?

- Pihak YPJ akan memproses bayaran dalam tempoh **14 hari** daripada permohonan yang telah diluluskan. Tempoh bayaran ini adalah sama bagi penyaluran bayaran SBP dan IMAJ bagi tahun 2025

5. Adakah permohonan SBP dan IMAJ pada kali ini layak untuk mendapatkan Kad Siswa Johor ?

- Bagi permohonan SBP dan IMAJ tahun 2025, pemohon adalah **layak** untuk mendapatkan Kad Siswa Johor. Permohonan Kad Siswa Johor akan dibuka selepas sahaja bayaran bantuan telah dikreditkan ke dalam akaun eWallet pemohon.

6. Adakah proses mendapatkan Kad Siswa Johor sama seperti tahun lepas?

- Untuk permohonan Kad Siswa Johor pada tahun 2025, proses permohonan sedikit berbeza dimana pemohon tidak perlu untuk hadir ke bank. Pemohon hanya perlu memohon melalui **Aplikasi TNG eWallet**. Pemohon boleh melihat pautan cara permohonan Kad Siswa Johor di sistem permohonan tersebut.

7. Berapa lama tempoh masa yang diperlukan oleh pihak YPJ untuk menyalurkan Kad Siswa Johor kepada pemohon?

- Selepas bayaran dikreditkan ke dalam akaun eWallet, pemohon diberi tempoh selama **7 hari** untuk memohon Kad Siswa Johor. Proses pengumpulan, percetakan dan penghantaran kembali kad kepada pemohon mengambil masa **tidak lebih 60 hari** daripada tarikh permohonan dibuat.

8. Adakah saya akan dikenakan sebarang bayaran semasa permohonan Kad Siswa Johor ini?

- Ya. Pemohon akan dikenakan bayaran sebanyak **RM15** bagi permohonan Kad Siswa Johor. Bayaran ini akan ditolak daripada baki eWallet TNG pemohon. Selepas menerima senarai permohonan kad daripada pihak TNG, pihak YPJ akan menyalurkan kembali RM15 kepada pemohon dalam **tempoh 30 hari** selepas permohonan Kad Siswa Johor ditutup.

9. Saya tidak memohon SBP atau IMAJ, tetapi saya ingin mendapatkan Kad Siswa Johor tersebut. Adakah perkara ini dibenarkan?

- Jika pemohon tidak memohon SBP atau IMAJ, pemohon adalah **tidak layak** untuk mendapatkan kad tersebut. Permohonan Kad Siswa Johor adalah hanya kepada penerima Bantuan Pendidikan di bawah YPJ sahaja.

10. Kenapa saya perlu menanggung bayaran sebanyak RM15 semasa permohonan Kad Siswa Johor ? Kenapa bayaran tersebut tidak ditanggung terus oleh pihak YPJ ?

- Untuk makluman, setiap permohonan kad perlu dilakukan oleh pemohon sendiri dan tidak boleh melalui pihak ketiga (YPJ). Perkara ini adalah terikat dengan peraturan yang dikenakan oleh pihak TNG dan juga mana-mana bank dalam Malaysia. Pemohon tidak perlu risau kerana bayaran balik sebanyak RM15 akan dikreditkan kembali ke dalam akaun pemohon dalam tempoh 30 hari selepas tarikh permohonan kad ditutup

11. Saya pelajar Semester 1 dan layak untuk memohon SBP dan IMAJ. Adakah saya juga layak untuk memohon dua (2) Kad Siswa Johor ?

- Satu (1) Kad Siswa Johor untuk satu (1) orang pemohon/mahasiswa/pelajar sahaja. Jika pemohon layak untuk memohon SBP dan IMAJ, pemohon masih akan menerima 1 kad sahaja di bawah nama pemohon.

12. Saya merupakan penerima IMAJ pada tahun 2024. Adakah saya masih layak untuk memohon IMAJ pada tahun ini ?

- Jika pemohon masih dalam tempoh pengajian sepenuh masa dan berstatus Mahasiswa Anak Johor, pemohon adalah layak untuk memohon bantuan tersebut.

13. Pada tahun 2024, saya telah memohon SBP dan telah menerima Kad Siswa Johor. Adakah saya boleh memohon lagi Kad Siswa Johor pada tahun ini ?

- Pemohon tidak layak untuk memohon Kad Siswa Johor kerana pemohon telah memiliki Kad Siswa Johor pada tahun 2024. Satu (1) Kad Siswa Johor untuk seorang pemohon sahaja dibenarkan. Walaubagaimanapun, pemohon adalah layak untuk memohon dan mendapatkan IMAJ bagi tahun 2025. Bayaran tersebut akan disalurkan ke dalam akaun eWallet pemohon dan bukan akaun Bank Muamalat yang lepas.

14. Saya merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda dan telah selesai konvokesyen pada penghujung tahun 2024. Namun selepas konvokesyen, saya terus ditawarkan ke pengajian peringkat Master dan kini dalam semester pertama. Adakah saya layak memohon IMAJ?

- Permohonan IMAJ hanya kepada mahasiswa dalam pengajian sepenuh masa sahaja. Jika pemohon dalam mod pengajian sepenuh masa, maka pemohon adalah layak untuk memohon. Manakala, jika pemohon yang telah selesai bergraduasi adalah tidak layak untuk memohon.

15. Saya merupakan Mahasiswa Anak Johor yang sedang melanjutkan pelajaran di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kini, saya dalam tempoh Latihan Industri / Praktikal di sebuah syarikat di Kuala Lumpur. Adakah pelajar dalam mod Latihan Industri / Praktikal ini layak untuk memohon?

- Pemohon adalah **layak** untuk memohon IMAJ. Latihan Industri / Praktikal adalah masih dalam tempoh pengajian yang ditetapkan oleh pihak universiti. Pemohon masih berstatus Mahasiswa selagi Majlis Graduasi atau Konvokesyen belum dijalankan.

16. Adakah permohonan saya akan ditolak jika maklumat yang diberikan seperti Dun dan Parlimen tidak diisi dengan tepat?

- Pihak YPJ berhak untuk menolak setiap permohonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi kriteria dan syarat yang ditetapkan. Pemohon **WAJIB** mengisi maklumat yang tepat untuk permohonan SBP/IMAJ.

17. Saya tersalah mengisi maklumat dalam permohonan SBP/IMAJ. Adakah saya dibenarkan untuk mengemaskini maklumat yang telah dihantar ?

- Jika terdapat kesilapan dalam permohonan SBP/IMAJ dan memerlukan pengemaskinian maklumat dan data, pihak pemohon boleh menghubungi Bahagian Pinjaman dan Pembangunan Insan YPJ di talian **07-2344355** untuk semakan dan kemaskini.